



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN

KUPASAN MUTU JAWAPAN

Sijil Pelajaran Malaysia 2024



**Sejarah
Kertas 2
1249/2**

1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran	:	1249/2
Bentuk Ujian	:	Ujian Subjektif
Markah Penuh	:	100 Markah
Masa	:	2 Jam 30 Minit

1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas 2 mengandungi dua bahagian, iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

Bahagian A : Mengandungi 4 soalan struktur.
Semua soalan wajib dijawab.
Setiap soalan memperuntukkan **10 markah**.

Bahagian B : Mengandungi 5 soalan esei.
Calon perlu menjawab 3 soalan sahaja.
Setiap soalan memperuntukkan **20 markah**

2.0 PRESTASI CALON

2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A

2.1.1 Prestasi Keseluruhan

Secara keseluruhannya, calon dapat menjawab soalan Bahagian A dengan baik. Calon dapat mengemukakan jawapan berdasarkan kehendak tugas terutamanya soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Namun, terdapat segelintir calon yang kurang menguasai fakta dan konsep sejarah dengan baik.

2.1.2 Prestasi Mengikut Kumpulan Calon

Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon dapat menyatakan fakta dengan tepat berserta huraian yang sesuai. Bagi soalan KBAT, calon berupaya memberi respons yang sesuai dengan kehendak soalan. Calon juga berupaya berkomunikasi menggunakan laras bahasa yang baik.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon dalam kumpulan ini mampu menjawab sebahagian daripada kehendak tugas. Ramai calon cenderung menjawab berdasarkan pemikiran logik akal tanpa menghubungkan kait dengan fakta sejarah terutamanya bagi soalan KBAT. Selain itu, calon menghuraikan fakta yang terhad dan laras bahasa yang digunakan kurang gramatis.

2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

Soalan 1 (a)

Kemunculan kesedaran nasionalisme berlaku di Tanah Melayu dan dikebanyakan negara yang pernah dijajah terutama di Asia dan Asia Barat.

- (a) Nyatakan **dua** faktor kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita pada awal abad ke-20.

Calon perlu menyatakan **dua** faktor kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita pada awal abad ke-20.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

- (i) Peranan agama ✓
- (ii) kemunculan golongan intelektual ✓

Calon menyatakan **dua** faktor kemunculan gerakan nasionalisme.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

- (i) media cetak
- (ii) penulisan kreatif ✓

Calon hanya dapat menyatakan **satu** faktor kemunculan gerakan nasionalisme.

Soalan 1 (b)

Jelaskan faktor-faktor kemunculan gerakan nasionalisme di 1(a).

Calon perlu menjelaskan faktor kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Mengikuti peranan agama gerakan nasionalisme terdetus kerana inspirasi dari gerakan Islam yang ditopang oleh Syarif Jamal al-Din Al-Afghani. Beliau menyertai umat Islam untuk kembali kepada ajaran Islam yang berpandukan hadis dan al-Quran. Malah, mengikut kemunculan golongan intelektual adalah kerana pelajar dari Mesir mendatangkan kepada rakyat tentang nasionalisme.

Calon dapat menjelaskan faktor beserta huraian kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Faktor kemunculan melalui akhbar tet apabila ramai rakyat yang membacanya seperti akhbar balaya. Penterusnya kemunculan nasionalisme melalui media cetak ialah apabila keluarannya novel, cerpen dan puisi. Dalam ini menceritakan tentang sarak orang Melayu.

Calon hanya menjelaskan dua faktor kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita.

Soalan 1 (c)

Mengapakah semangat cinta akan negara penting kepada generasi muda?

Calon perlu menjelaskan kepentingan semangat cinta kepada negara.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Pada pendapat saya, semangat cinta akan negara penting kepada generasi muda kerana generasi tersebut akan menjadi masa depan bagi negara kita. Selain itu, ia juga penting kerana generasi muda dapat pendedahan awal dalam semangat cinta akan negara. Dengan cara itu golongan muda dapat membatras dan mengembangkan idea dalam menjadikan se sebahagian negara maju. Semangat cinta akan negara penting juga kepada generasi muda kerana mencetuskan semangat untuk ingin maju sejarahnya negara dan menjadikannya sebagai teladan.

Calon menjelaskan kepentingan beserta huraian semangat cinta kepada negara.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Semangat cinta akan negara penting kepada generasi muda kerana generasi muda yang cinta akan negara akan memajukan negara kita, menyebabkan negara kita kemakmuran.

Calon hanya menyatakan dua kepentingan semangat cinta kepada negara.

Soalan 2 (a)

Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menyerahkan Sabah kepada British melalui satu perjanjian yang ditandatangani pada 26 Jun 1946.

(a) Nyatakan **dua** sebab Sabah diserahkan kepada British.

Calon perlu menyatakan **dua** sebab penyerahan Sabah kepada British.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

- (i) Memenuhi kepentingan British ✓
- (ii) Masalah kewangan SBUB ✓
- (iii) Meneruskan dasar British dalam hubungan luar ✓

Calon dapat menyatakan **dua** sebab penyerahan Sabah kepada British.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

- (i) Lokasi strategik
- (ii) Sumber bahan mentah ✓

Calon dapat menyatakan **satu** sebab penyerahan Sabah kepada British.

Soalan 2 (b)

Jelaskan reaksi penduduk tempatan terhadap penyerahan tersebut.

Calon dikehendaki menjelaskan reaksi penduduk tempatan terhadap penyerahan Sabah kepada British.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Reaksi penduduk tempatan ^{yang menentang} terhadap penyerahan tersebut tidak begitu menonjol kerana Dasar British. Antaranya, British menindas kegiatan berpersatuan. Keperibagaian etnik kaum, budaya dan agama menyukarkan penyatuan. British menawarkan jawatan dan kerajinan pejabat kepada ahli persatuan. Selain itu, British menghadkan peluang dalam pentadbiran. Kesannya, penduduk kurang pengalaman dalam birokrasi Barat. Reaksi penduduk tempatan yang menyokong demi kepentingan sosioekonomi penduduk tempatan. Penyerahan ini dianggap sebagai peluang penduduk terlibat dalam pentadbiran.

Calon dapat menjelaskan reaksi penduduk tempatan berserta huraian terhadap penyerahan Sabah kepada British.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Reaksi penduduk tempatan terhadap penyerahan tersebut tidak menentang. Hal ini kerana penduduk tempatan tidak mengetahui latar belakang mengapa Sabah diserahkan. Selain itu, Sabah semakin maju apabila Sabah diserahkan kepada British.

Calon dapat menjelaskan **satu** reaksi berserta huraian penduduk tempatan terhadap penyerahan Sabah kepada British.

Soalan 2 (c)

Maklumat berikut berkaitan isu tuntutan Sulu ke atas Sabah.

Kerajaan memberi jaminan untuk terus membela selagi terdaya bagi mempertahankan maruah dan kedaulatan Malaysia.

Sumber: <https://www.utusan.com.my>, 9 Mei 2023

Ulaskan.

Calon dikehendaki mengulas isu tuntutan Sulu ke atas Sabah berdasarkan petikan yang diberi.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Kerajaan menjamin untuk meneruskan membela terdaya untuk mempertahankan maruah bangsa dan menjamin kedaulatan Malaysia. Hal ini kerana keselamatan negara terjaga. Selain itu, pertadbiran negara kita tidak akan campur tangan oleh pihak asing. Rakyat negara dapat berada dalam keadaan yang aman dan selamat. Dengan ini, nyawa rakyat tidak terancam. Inferensya, kerajaan harus mempertahankan kedaulatan negara supaya mewujudkan kestabilan politik dan menjaga kesejahteraan masyarakat.

Calon dapat mengulas isu beserta huraian tuntutan Sulu ke atas Sabah berdasarkan petikan yang diberi.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Kita melihat terus berucap walaupun berada dalam keadaan yang sempit peluangnya untuk berjaya. Hal ini untuk memelihara maruah negara terjaga. Malah itu kita tidak boleh berpatah-patah dalam memperjuangkan hal kebangsaan.

Calon dapat mengulas isu tuntutan Sulu ke atas Sabah berdasarkan petikan yang diberi tetapi tidak menyatakan huraian.

Soalan 3 (a)

Maklumat berikut berkaitan dengan peringkat dalam pentadbiran kerajaan Malaysia.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Kerajaan Persekutuan• Kerajaan Negeri• Kerajaan Tempatan |
|--|

(a) Senaraikan **tiga** bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Calon perlu menyenaraikan **tiga** bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

- (i) Pelajaran ✓
- (ii) Kewangan ✓
- (iii) Kewarganegaraan ✓
- (iv) Keselamatan ✓ dalam negeri
- (v) Hal ehwal luar ✓ negeri

Calon dapat menyenaraikan **tiga** bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

- (i) Demokrasi berparlimen
- (ii) Pelajaran ✓
- (iii) Perubahan ✓

Calon hanya menyenaraikan **dua** bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Soalan 3 (b)

Mengapakah wujud pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri?

Calon dikehendaki menjelaskan sebab wujudnya pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diwujudkan bertujuan untuk mewujudkan sistem persekutuan yang licik. Selain itu, untuk menyelesaikan permasalahan berlaku di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Di samping itu, peruntukan kuasa lebih besar kepada Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan Kerajaan Persekutuan yang kuat.

Calon dapat menjelaskan empat sebab wujudnya pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Pembahagian kuasa wujud untuk mengagihkan tugas dan peranan kerajaan dengan adil. Selain itu, dapat memastikan pentadbiran negara berjalan dengan lancar.

Calon hanya menjelaskan dua sebab wujudnya pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Soalan 3 (c)

Kerajaan Tempatan berperanan penting dalam menentukan kesejahteraan rakyat.
Buktikan.

Calon perlu membuktikan bahawa Kerajaan Tempatan berperanan penting dalam menentukan kesejahteraan rakyat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Hal ini kerana kerajaan tempatan adalah paling dekat dengan rakyat. Selain itu, peranan kerajaan tempatan adalah menyediakan kemudahan awam menjaga keselamatan awam, mengindahkan kawalan dan sebagainya.

Calon dapat membuktikan Kerajaan Tempatan berperanan penting dalam menentukan kesejahteraan rakyat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Kerajaan Tempatan berperanan penting dalam menentukan kesejahteraan rakyat dengan berperanan menyediakan kemudahan awam. Selain itu, pengediaan perumahan awam juga turut dilaksanakan oleh kerajaan tempatan. Selanjutnya, kerajaan tempatan juga berperanan dalam menyediakan perkhidmatan kelestarian penduduk.

Calon dapat membuktikan **dua** peranan Kerajaan Tempatan dalam menentukan kesejahteraan rakyat.

Soalan 4 (a)

Keratan akhbar berikut berkaitan ancaman keselamatan yang dilakukan oleh komunis di Semenanjung Malaysia.



Sumber: Utusan Malaysia, 8 Jun 1974

(a) Mengapakah komunis melakukan tindakan tersebut?

Calon dikehendaki menjelaskan sebab komunis mengancam keselamatan di Semenanjung Malaysia.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

komunis melakukan tindakan tersebut bagi menunjukkan kelemahan pentadbiran Briti, dan menggugat keamanan dan keharmonian masyarakat.

Calon dapat menjelaskan **dua** sebab komunis mengancam keselamatan di Semenanjung Malaysia.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Komunis melakukan tindakan tersebut kerana ingin menguasai pentadbiran negara. Selain itu, komunis melakukan tindakan tersebut kerana ingin menghilangkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan.

Calon hanya menjelaskan **satu** sebab komunis mengancam keselamatan di Semenanjung Malaysia.

Soalan 4 (b)

Bagaimanakah kerajaan bertindak bagi mengatasi ancaman komunis?

Calon dikehendaki menyatakan cara kerajaan mengatasi ancaman komunis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Kerajaan bertindak mengatasi ancaman komunis dengan cara mengadakan perang saraf. Hal ini bagi memenangi hati rakyat untuk memenangi komunis. Selain itu, kerajaan menggiatkan darurat dan mengadakan perintah berkurang di beberapa tempat seperti Johor. Selanjutnya, kerajaan membentangkan tawaran perdamaian kepada komunis dengan cara menjitukkan risalah daripada kapal terbang ke seluruh kerajaan dan rakyat bekerjasama menentang kegiatan komunis di Tanah Melayu.

Calon dapat menjelaskan empat cara kerajaan mengatasi ancaman komunis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Kerajaan bertindak bagi mengatasi ancaman komunis dengan melaksanakan perang saraf. Selain itu, membahagikan kawasan seperti zone patih dan hutan. Di samping itu, operasi hammer di lancarkan. Selanjutnya, operasi hammer berasaskan operasi greek.

Calon hanya dapat menjelaskan dua cara kerajaan mengatasi ancaman komunis.

Soalan 4 (c)

Keamanan dan keharmonian kaum adalah penting bagi menjamin kemakmuran sebuah negara maju.

Jelaskan.

Calon dikehendaki menjelaskan kepentingan keamanan dan keharmonian kaum bagi menjamin kemakmuran sebuah negara maju.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Penjelaran saya, keharmonian kaum akan membuat
semangat kita akan negara untuk mencapai
kemajuan. Selain itu, semangat perpaduan kaum
akan menstabilkan politik dan ekonomi negara.
Selain itu, kerjasama antara kaum penting
untuk menjaga kestabilan negara dan
mengelakkan kesukaran pengarah asing. Keadaan
negara kekal merdeka dan terus membangun
pesat seperti negara-negara maju.

Calon dapat menjelaskan lima kepentingan keamanan dan keharmonian kaum bagi menjamin kemakmuran sebuah negara maju.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Keamanan dan keharmonian kaum adalah penting
bagi menjamin kemakmuran sebuah negara maju. Hal
ini kerana, bersatu padu atau bekerjasama & sesama
kaum dapat memberi kesan yang baik terhadap
negara dan tidak akan ada selisih faham antara
kaum.

Calon hanya dapat menjelaskan dua kepentingan keamanan dan keharmonian kaum bagi menjamin kemakmuran sebuah negara maju.

2.3 CADANGAN/ SYOR BAHAGIAN A

2.3.1 Calon

- a) Menguasai semua tema dan tajuk yang terdapat dalam sukatan mata pelajaran.
- b) Merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) berserta buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
- c) Membaca bahan tambahan lain berkaitan topik buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
- d) Membuat rujukan tambahan melalui kod QR dan info grafik serta latihan yang disediakan dalam buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
- e) Mengukuhkan pengetahuan berkaitan isu semasa bagi menjawab soalan KBAT.
- f) Meningkatkan kemahiran menjawab, calon perlu memperbanyakkan latihan. Contohnya, menggunakan koleksi soalan-soalan percubaan negeri.
- g) Meneliti dan memahami semua kata tugas dalam soalan sebelum menjawab soalan yang dikemukakan.
- h) Menyediakan rangka jawapan sebelum menjawab sesuatu soalan. Rangka jawapan dapat membantu calon menguruskan masa dengan betul agar tidak berlaku pembaziran masa.
- i) Memahami dan meneliti maklumat yang terkandung dalam soalan yang merujuk kepada petikan atau grafik.
- j) Merujuk koleksi Kupasan Mutu Jawapan (KMJ) untuk meningkatkan kemahiran menjawab dan memahami kehendak soalan.

2.3.2 Guru

- a) Menguasai kandungan dalam DSKP.
- b) Memastikan setiap tajuk yang terdapat dalam buku teks Sejarah KSSM Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 disampaikan dengan baik.
- c) Mendedahkan murid kepada cara menjawab soalan dengan teknik yang betul dan tepat.
- d) Merancang pengajaran dan pembelajaran (PdP) terutamanya menyelesaikan sukatan mata pelajaran secepat mungkin supaya ulang kaji dan latihan tubi dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- e) Mengajar berdasarkan pendekatan berpusatkan murid dan tidak berpusatkan guru.
- f) Mengenal pasti kelemahan murid supaya kelemahan tersebut dapat diperbaiki lebih awal (intervensi).
- g) Mempelbagaikan sumber rujukan dan bahan pengajaran yang menarik dalam PdP.
- h) Menghasilkan pelbagai bentuk stimulus bagi persediaan menjawab soalan KBAT.
- i) Mencadangkan kepada murid untuk merujuk koleksi soalan SPM yang lepas dan KMJ agar murid dapat meningkatkan kemahiran menjawab dan memahami kehendak soalan.

2.4 PRESTASI CALON BAHAGIAN B

2.4.1 Prestasi Keseluruhan

Secara keseluruhannya, calon dapat menjawab soalan bahagian B dengan baik kecuali Soalan 5(b) dan 6(b). Calon dapat mengemukakan jawapan berdasarkan kehendak tugas dan memenuhi peruntukan markah. Soalan KBAT banyak membantu calon memperoleh markah. Namun, terdapat segelintir calon yang masih kurang menguasai fakta dan konsep sejarah dengan baik terutamanya di cerai (a) dan (b).

2.4.2 Prestasi Mengikut Kumpulan Calon

Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon dapat menyatakan fakta dengan tepat berserta huraian yang sesuai terutamanya bagi Soalan 5, Soalan 7, Soalan 8 dan Soalan 9. Bagi soalan KBAT, calon dapat menguasai maklumat yang diberi dalam petikan. Penguasaan bahasa yang baik menjadikan jawapan yang diberi mempunyai huraian yang mendalam dan contoh yang relevan.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon dalam kumpulan ini tidak dapat mengemukakan isi jawapan yang mencukupi berdasarkan peruntukan markah. Terdapat juga calon yang mengemukakan fakta yang tidak berkaitan dengan tugas menyebabkan jawapan mereka tidak relevan. Ramai juga calon yang memberikan jawapan secara umum sahaja berdasarkan pengetahuan am yang mereka miliki.

2.5 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

Soalan 5 (a)

Perang Dunia Kedua (1939-1945) berlaku di Eropah dan Asia Pasifik melibatkan dua pakatan iaitu Kuasa Paksi dan Kuasa Bersekutu.

(a) Jelaskan faktor tercetusnya Perang Dunia Kedua di Eropah.

Calon dikehendaki menjelaskan faktor tercetusnya Perang Dunia Kedua di Eropah.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

a) Faktor tercetusnya Perang Dunia Kedua di Eropah ialah kemunculan ideologi baharu iaitu Fasisme dan Nazisme. Fasisme berlaku di Itali. Fasisme memberikan kepentingan negara melebihi kepentingan individu. Selain itu mempunyai semangat nasionalisme yang melampau termauklah berperang untuk meningkatkan imej negara. seterusnya, Nazisme ialah ideologi yang berlaku di Jerman dan dipelopori oleh akibat ketidakpuasan hati terhadap perjanjian Versailles. Hal ini kerana Jerman sebuah negara yang kalah mengganggu Perjanjian Versailles tidak adil dan menggugat kedaulatan negaranya. Butuh itu sahaja, Jerman juga perlu membayar pampasan perang yang tinggi. Akhir sekali, Perang Dunia Kedua muncul akibat kegagalan Liga Bangsa-Bangsa. Hal ini kerana Liga Bangsa-Bangsa gagal menangani perjanjian pelucutan senjata.

Calon dapat menjelaskan lebih daripada enam faktor tercetusnya Perang Dunia Kedua di Eropah.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Faktor terwujudnya Perang Dunia Kedua di Eropah ialah kemunculan ideologi baharu ✓ iaitu Nazisme ✓ dan Fasisme ✓. Fasisme menentang nilai-nilai Perikatan Bangsa-Bangsa yang ditubuhkan pada tahun 1922. Nazisme pula ditubuhkan untuk mengutamakan kepentingan ✓ negara berbanding kepentingan individu. Seterunya parti Nazi berjaya menguasai Jerman pada tahun 1933.

Calon hanya dapat menjelaskan **empat** faktor terwujudnya Perang Dunia Kedua di Eropah.

Soalan 5 (b)

Hasil kerjasama dan kesepakatan pihak Bersekutu akhirnya membawa kepada tamatnya Perang Dunia Kedua di Eropah.

Bincangkan.

Calon dikehendaki membincangkan kerjasama dan kesepakatan pihak Bersekutu membawa kepada tamatnya Perang Dunia Kedua di Eropah.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

b) Perang Dunia Kedua berakhir apabila Presiden Amerika Syarikat dan Perdana Menteri Britain berjumpa untuk membincangkan isu keselamatan dan politik. Selain itu, kejayaan Tentera Bersekutu dalam melancarkan strateginya menyebabkan berakhirnya Perang Dunia Kedua di Eropah. Hal ini kerana Jerman gagal menamatkan remaja menawan Rusia apabila perang melewati dua musim sejuk. Tentera Jerman kehabisan peluru, makanan dan ubatan. Selain itu, pegawai tentera Jerman juga mengingkar arahan Hitler dan menyerah kalah. Akhir sekali, kejayaan kod D-Day menamatkan Perang Dunia Kedua di Eropah. Hal ini berlaku apabila tentera Bersekutu berjaya memperdaya tentera Jerman dengan menyebarkan maklumat bahawa tentera Bersekutu akan mendarat di Calais bukannya di Normandy.

Calon dapat membincangkan kerjasama dan kesepakatan pihak Bersekutu dengan mengemukakan enam fakta yang membawa kepada tamatnya Perang Dunia Kedua di Eropah.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Hasil kerjasama dan kesepakatan pihak Bersekutu akhirnya membawa kepada tamatnya perang dunia ke-2. Kerjasama pihak bersekutu iaitu Britain, Amerika Syarikat, Perancis dan Rusia. Tamatnya perang dunia ke-2 disebabkan campur tangan kuasa besar iaitu Amerika Syarikat. Selain itu, tamatnya perang ini disebabkan strategi pendaratan yang terbesar iaitu D-Day. Tentera Jerman kehabisan peluru dan kehabisan makanan. Tentera Jerman juga ramai yang kehilangan nyawa disebabkan musim sejuk dan akhirnya Jerman menyerah kalah.

Calon hanya dapat membincangkan kerjasama dan kesepakatan pihak Bersekutu dengan mengemukakan **tiga** sahaja fakta yang membawa kepada tamatnya Perang Dunia Kedua di Eropah.

Soalan 5 (c)

Teliti gambar berikut.



Beri mesej anda kepada pemimpin dunia supaya dunia aman dan selamat untuk didiami.

Calon dikehendaki meneliti gambar dan menjelaskan mesej kepada pemimpin dunia supaya dunia aman dan selamat untuk didiami.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

c) Mesej raya ialah peperangan akan menyebabkan berlakunya pemusnahan harta benda. Selain itu, peperangan akan menimbulkan huru-hara kepada dunia. Selanjutnya, peperangan akan mengorbankan nyawa manusia. Oleh itu, pemimpin perlu mengagubal dasar keselamatan dan pertahanan negara agar menjalinkan hubungan dengan negara luar tanpa mengira ideologi agar negara tidak terjerumus dalam konflik antarabangsa. Tambahan lagi, pemimpin haruslah tidak mencampur urusan negara lain. Bukan itu sahaja, pemimpin negara juga perlulah mentadbir negara dengan adil tanpa mengira agama, bangsa dan budaya. Seterusnya, pemimpin perlu memastikan ketabihan politik dalam negara terjamin, agar rakyat dapat hidup dalam suasana yang harmoni. Akhir sekali, pemimpin negara perlu berusaha menetapkan kedaulatan negara agar orang asing tidak mencampuri tangan dalam pentadbiran serta menjamin pengiktirafan negara kuasa besar dunia.

Calon dapat menjelaskan mesej kepada pemimpin dunia supaya dunia aman dan selamat untuk didiami berdasarkan gambar.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Mesej saya, peperangan menyebabkan kehancutan yang tidak memberi faedah kepada mana-mana pihak peperangan menyebabkan kedaulatan negara tergugat dan ekonomi negara akan meruntu.

Selain itu, peperangan juga menyebabkan banyaknya pembunuhan berlaku secara tidak langsung keselamatan negara tidak selamat didiami oleh rakyat dan menyebabkan kesengsaraan hidup kepada rakyat. Seterusnya, keharmonian negara akan terjejas kerana kehancutan daripada peperang dan keamanan negara menjejaskan hidup rakyat.

Selain itu, peperang membaka mata pemimpin dunia bahawa peperang amatlah terkesas terhadap dunia. Seterusnya, kehancutan negara akibat peperangan contoh seperti infrastruktur yang hancur dan rakyat hidup dalam keadaan huru-hara serta taraf hidup rakyat semakin meruntu.

Calon hanya menjelaskan maklumat dalam gambar sahaja **tanpa memberikan mesej kepada pemimpin dunia** supaya dunia aman dan selamat untuk didiami.

Soalan 6 (a)

Maklumat berikut berkaitan jawatankuasa pelajaran yang ditubuhkan dalam usaha menyatupadukan rakyat.

- Ordinan Pelajaran 1952
- Laporan Woodhead 1955

(a) Terangkan perkara yang termaktub dalam Ordinan Pelajaran 1952.

Calon dikehendaki menerangkan perkara yang termaktub dalam Ordinan Pelajaran 1952.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Perkara yang termaktub dalam Ordinan Pelajaran 1952 ialah terdapat dua jenis sekolah rendah iaitu sekolah rendah yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dan sekolah rendah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Seterusnya, bahasa Cina dan bahasa Melayu boleh dijadikan bahasa ketiga jika sekelas murid ialah 15 orang atau ke atas. Akhir sekali, bahasa Melayu hendaklah dijadikan bahasa pengantar dalam sekolah menengah.

Calon dapat menerangkan lima perkara yang termaktub dalam Ordinan Pelajaran 1952.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Perkara yang termaktub dalam ordinan Pelajaran 1952 ialah sekolah rendah menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Selain itu, bahasa Tamil dan bahasa Cina akan diajar sekiranya terdapat 16 orang murid dalam kumpulan yang sama. Seterusnya, sekolah menengah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Akhir sekali, kurikulum yang beragam dan berorientasikan sistem kebangsaan Hal ini untuk memupuk perpaduan dan integrasi antara kaum.

Calon dapat menerangkan **tiga** perkara yang termaktub dalam Ordinan Pelajaran 1952.

Soalan 6 (b)

Laporan Woodhead 1955 mencadangkan peringkat rendah dan menengah di Sarawak dan Sabah diperkasakan.

Huraikan.

Calon dikehendaki menghuraikan cara Laporan Woodhead 1955 memperkasakan pendidikan peringkat rendah dan menengah di Sarawak dan Sabah.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Laporan Woodhead 1955 Sarawak menyatakan Pelajaran Sivik hendaklah diajar secara formal dalam pelajaran Seterusnya. buku teks perlu berlatarbelakangkan unsur tempatan. Selanjutnya, menyerasakan sukatan pelajaran dan peperiksaan. Bahasa Inggeris hendaklah dijadikan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan. Bahasa Melayu, dalam Laporan Woodhead 1955 Sabah menyatakan sekolah Inggeris hendaklah mengajar Bahasa Melayu, sekolah Melayu hendaklah mengajar bahasa Inggeris. Berikutnya, peperiksaan hendaklah ditetapkan Akhir sekali, sekolah Cina perlulah menekankan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.

Calon dapat menghuraikan cara Laporan Woodhead 1955 memperkasakan pendidikan peringkat rendah dan menengah di Sarawak dan Sabah.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Laporan Woodhead 1955 mencadangkan peringkat rendah dan menengah di Sabah dan Sarawak diperkasakan. Antaranya, bahasa Inggeris perlu dijadikan bahasa pengantar. Selain itu, sekolah menengah Melayu perlu belajar bahasa Inggeris dan sekolah Inggeris akan mempelajari bahasa Melayu.

Calon dapat menyatakan tiga cara Laporan Woodhead 1955 memperkasakan pendidikan peringkat rendah dan menengah di Sarawak dan Sabah.

Soalan 6 (c)

Baca maklumat dalam petikan berikut.

... di Malaysia pada hari ini, pelbagai langkah diambil di pelbagai tempat untuk memperkenalkan pendekatan inovatif yang lebih sesuai dan bertepatan dengan perubahan masa. Ini merangkumi kaedah pengajaran baharu yang lebih berpusat kepada pelajar berbanding masa lampau termasuk perubahan kepada kurikulum, kaedah pengajaran dan penilaian.

Malaysia bukan sahaja perlu seiring dengan trend progresif terkini malah perlu bergerak selangkah di hadapannya. Kesemua ini adalah cabaran untuk mentransformasikan sistem sedia ada agar ia dapat memainkan peranan untuk mendidik generasi masa depan secara lebih efektif.

Sumber diubah suai: Pembelajaran Sepanjang Hayat Asas
Perubahan, titah Sultan Nazrin Muizzudin Shah
6 Disember 2017

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

Calon dikehendaki menjelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan yang diberikan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Malaysia perlu mengambil langkah di pelbagai tempat untuk memperkenalkan pendekatan inovatif yang lebih sesuai dan bertepatan dengan perubahan masa. Hal ini supaya Malaysia tidak ditinggalkan zaman sehingga mengalami kemunduran dalam kalangan rakyat Malaysia.

Setengahnya, kaedah pengajaran bahasa yang lebih berpusat kepada pelajar berbanding masa lampau termasuk perubahan kepada kurikulum, kaedah pengajaran dan pentalon. Sebagai contoh, guru digalakkan untuk menggunakan kaedah untuk menarik perhatian murid dalam pelajaran. Dengan ini, murid dapat belajar dengan lebih efektif.

Selanjutnya, Malaysia bukan sahaja perlu seiring dengan trend progresif terkini, malah perlu bergerak selangkah di hadapannya. Hal ini supaya Malaysia dapat melahirkan generasi muda yang kompetitif dan dapat bersaing dengan pelajar dari negara maju.

Akhir sekali, kesemua ini adalah cabaran untuk mentransformasikan sistem sedia ada. Hal ini supaya Malaysia dapat memastikan peranan untuk mendidik generasi masa depan secara lebih efektif.

Calon dapat menjelaskan maklumat dalam petikan berserta huraian yang relevan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana


Maklumat di Malaysia pada hari ini, pelbagai langkah diambil di pelbagai tempat untuk memperkenalkan pendekatan inovatif yang sesuai dan bertepatan dengan perubahan masa. Ini merangkumi kaedah pengajaran baharu yang lebih berpusat kepada pelajar berbanding masa lampau termasuk perubahan kepada kurikulum, kaedah pengajaran dan penilaian.

Malaysia bukan sahaja perlu seiring dengan trend progresif terkini malah perlu bergerak selangkah di hadapannya. Kesemua ini adalah cabaran untuk memtransformasikan sistem sedia ada agar ia dapat memainkan peranan untuk mendidik generasi masa depan secara lebih efektif.

Calon hanya menyatakan empat maklumat yang terkandung dalam petikan tanpa huraian.

Soalan 7 (a) (i)

Rajah berikut berkaitan ciri utama Perlembagaan Persekutuan.



(a) Jelaskan ciri utama tersebut:

(i) Tradisional

Calon dikehendaki menjelaskan ciri tradisional yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

a) i) Ciri utama Tradisional

Antara ciri tradisional ialah bahasa Melayu yang digunakan sejak keuitanan Melayu Melayu. Bahasa Melayu merupakan lingua franca dan bahasa ilmu. Pada masa kini, bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara kita. Selain itu, agama Islam merupakan agama Persekutuan negara kita. Agama lain boleh diamalkan secara aman dan damai. Di samping itu, raja berkuasa mutlak dalam keuitanan Melayu Melayu. Pemerintah berjaja diteruskan dengan perlembagaan persekutuan sebagai Raja berperlembagaan yang di-Pertuan Agong sebagai ketua utama kerajaan. Kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain terletak di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong.

Calon dapat menjelaskan enam ciri tradisional yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(a)(i) ciri tradisional ialah agama islam. Hal ini kerana agama islam itu adalah penting bagi orang islam. Selain itu, bahasa ^{melayu} ~~melayu~~ kerana bahasa melayu adalah bahasa yang di banggakan oleh kebangsaan. Selepas itu, sistem beraja.

Calon hanya dapat menyatakan **tiga** ciri tradisional yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

Soalan 7 (a) (ii)

(ii) Moden

Calon dikehendaki menjelaskan ciri moden yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Ciri Perlembagaan Persekutuan moden yang pertama ialah kerajaan Persekutuan. Kerajaan ini diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara. Selanjutnya, ciri kedua ialah sistem demokrasi berparlimen. Di samping itu, ciri ketiga ialah kewarganegaraan. Kewarganegaraan diberikan kepada rakyat Melayu dan rakyat British. Selepas pembentukan Malaysia, kewarganegaraan yang bertaraf sama diberikan kepada semua rakyat.

Calon dapat menjelaskan tujuh ciri moden yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Ciri utama moden ialah kewarganegaraan iaitu penduduk yang lahir di tanah Melayu akan diisytiharkan sebagai kewarganegaraan. Seterusnya, Demokrasi berparlimen iaitu rakyat mempunyai hak untuk memilih pemimpin melalui pilihan raya. Tambahan pula, Suruhanjaya Perlembagaan iaitu tempat pengubalan Undang-undang negara.

Calon hanya dapat menjelaskan empat ciri moden yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

Soalan 7 (b)

Baca maklumat dalam petikan berikut.

Ketidakpatuhan terhadap undang-undang boleh menyebabkan huru-hara dan menyukarkan proses pemulihan. Setiap satu perbuatan kita perlu mengikut undang-undang dan peraturan. Jika tidak mengikut peraturan, maka akan berlaku huru-hara dalam negara kita. Tidak ada mana-mana pihak yang boleh membuat sesuka hati. Malaysia merupakan negara demokrasi, perkara utama adalah semua pihak perlu mematuhi undang-undang yang melindungi rakyat, raja dan pemerintahan. Hanya undang-undang yang benar-benar melindungi semua pihak perlu diteruskan dan diamalkan.

Sumber diubah suai: Bernama, 10 Oktober 2018

Berikan ulasan anda.

Calon dikehendaki memberikan ulasan berdasarkan maklumat dalam petikan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Ketidakpatuhan rakyat terhadap undang-undang akan menyebabkan berlaku huru-hara dan menyukarkan pihak kerajaan untuk melaksanakan proses pemulihan. Setiap perbuatan yang dilakukan perlu mematuhi undang-undang dan peraturan. Semua pihak perlu mematuhi undang-undang yang melindungi rakyat, raja dan pemerintahan. Hanya undang-undang yang benar-benar melindungi semua pihak perlu diteruskan dan diamalkan dalam kalangan masyarakat di negara ini. Undang-undang mampu mewujudkan suasana yang aman dalam negara. Hal ini kerana tidak berlaku permusuhan dan konflik dalam kalangan masyarakat. Contohnya seperti mencuri, membunuh dan merompak. Oleh itu, pemufakatan masyarakat dapat dicapai.

Calon berjaya memberikan ulasan beserta huraian berdasarkan maklumat dalam petikan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Ulasan saya terhadap petikan tersebut ialah undang-undang yang digubalkan oleh kerajaan perlu diikuti oleh masyarakat ~~dan~~ kerana negara dapat menjadi aman kerana politik yang stabil disebabkan rakyat memilih kerajaan melalui pilihan raya. Beterusnya dapat meningkatkan ekonomi negara kerana pendapatan negara meningkat disebabkan terdapat peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor seperti sektor pembinaan kenderaan dengan membuka kilang seperti PRODA. Selain itu dapat memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum seperti Melayu, China, India, Iban dan Kadazan disebabkan saling menghormati agama dan budaya kaum masing-masing. Tambahan pula, keselamatan masyarakat dapat terjamin dengan mengelakkan perlakuan huru-hara seperti jenayah, pencuri disebabkan mengena hukuman berat atas pesalah.

Calon hanya memberikan ulasan tanpa mengaitkan kepada maklumat dalam petikan.

Soalan 8 (a)

Maklumat berikut berkaitan usaha memperkasa perpaduan kaum dan integrasi nasional.

- Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan

(a) Jelaskan prinsip utama yang terkandung dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Calon dikehendaki menjelaskan prinsip utama yang terkandung dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Prinsip utama yang terkandung dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan ialah berdasarkan kebudayaan asal rantau Melayu bagi mengiktiraf kedudukan orang Melayu sebagai orang asal Tanah Melayu. Selain itu, kebudayaan lain yang sesuai wajar diterima bagi menunjukkan sikap toleransi orang Melayu terhadap bangsa lain. Seterusnya, Islam sebagai prinsip penting kerana Islam merupakan agama rasmi Malaysia. Prinsip ini berfungsi melabuhkan identiti bangsa dan memupuk perpaduan berbilang kaum.

Calon dapat menjelaskan **tujuh** prinsip utama yang terkandung dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Prinsip utama yang terkandung dalam Dasar Kebudayaan
Kebangsaan adalah berteraskan kebudayaan asal
rantau Melayu sebagai ranting asas bagi Dasar
Kebudayaan Kebangsaan. Selain itu, kebudayaan lain
wajib diterima. Akhir sekali, agama Islam menjadi
unsur penting.

Calon hanya dapat menjelaskan **tiga** prinsip utama yang terkandung dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Soalan 8 (b)

(b) Terangkan langkah memartabatkan bahasa Melayu.

Calon dikehendaki menerangkan langkah untuk memartabatkan Bahasa Melayu.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Langkah-langkah memartabatkan Bahasa Melayu ialah menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
Hal ini, UKM menawarkan kursus pengajian dalam Bahasa Melayu dan menjadi pusat rujukan dunia berkaitan ilmu kesasteraan Bahasa Melayu.
Selain itu, perubahan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang menghasilkan majalah dan buku dalam Bahasa Melayu. Itefaknya, sekolah yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar iaitu Sekolah Alam Shah. Itefaknya, Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa kebangsaan dan digunakan dalam urusan kerajaan seperti mahkamah.

Calon dapat menerangkan langkah untuk memartabatkan Bahasa Melayu.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Antara langkah untuk memartabatkan bahasa Melayu ialah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Selain itu, mentadbir bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolahnya, menggunakan bahasa Melayu di mahkamah. Tambahkan lagi,

Calon dapat menyatakan **tiga** langkah untuk memartabatkan Bahasa Melayu.

Soalan 8 (c)

Teliti gambar berikut.



Jelaskan mesej yang terkandung dalam gambar tersebut dan huraikan kepentingannya kepada pembentukan identiti negara.

Calon dikehendaki menjelaskan mesej yang terkandung dalam gambar dan menghuraikan kepentingannya kepada pembentukan identiti negara.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Mesej yang terkandung dalam gambar tersebut ialah perpaduan merupakan asas pembangunan negara. Hal ini, maka perpaduan antara rakyat dapat menstabilkan politik dan ekonomi negara. Selain itu, rakan merupakan wadah perpaduan. seterusnya, perpaduan merupakan teras kekuatan Malaysia. seterusnya, kepelbagaian kaum menjadikan Malaysia terkenal di serata dunia. Kepentingan perpaduan kepada negara ialah, dapat melahirkan semangat cinta akan negara, selain itu, memupuk semangat patriotisme. seterusnya, menjamin keamanan dan kedaulatan negara. seterusnya, mengelakkan permusuhan antara kaum yang boleh membawa kepada peristiwa rusuhan kaum. selain itu, menunjukkan imej yang baik negara ke serata dunia. Kesimpulannya, pembentukan identiti penting bagi melahirkan semangat patriotisme dan membentuk perpaduan rakyat.

Calon dapat menjelaskan mesej yang terkandung dalam gambar dan menghuraikan kepentingannya kepada pembentukan identiti negara.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Mesej yang terkandung dalam gambar tersebut ialah kepentingan perpaduan kepada pembentukan identiti negara ialah perpaduan kaum membawa kepada perpaduan negara. Hal ini membawa kepada negara yang mampu membawa nama negara ke mana-mana. Selain itu, perpaduan yang erat mampu meningkatkan ketahanan dan kesejahteraan negara. Tambahan lagi, mampu meningkatkan sistem pemerintahan negara. Selanjutnya, perpaduan negara mampu memulakan jalinan hubungan antara negara lain. Disamping itu, ketenteraman negara dapat dipertahankan. Selain itu, ekonomi negara akan meningkat. Seterusnya, maklumat rakyat terpeliharai.

Calon hanya menghuraikan kepentingan perpaduan kepada pembentukan identiti negara tanpa menjelaskan mesej yang terkandung dalam gambar.

Soalan 9 (a)

(a) Jelaskan matlamat pengubalan Dasar Luar Malaysia.

Calon dikehendaki menjelaskan matlamat pengubalan Dasar Luar Malaysia.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Matlamat pengubalan dasar luar Malaysia ialah menjaga kepentingan nasional daripada penguasaan kuasa asing. Selain itu, menjaga keamanan dan kedaulatan Malaysia mengelakkan daripada berlakunya penjajahan. Oleh itu, memajukan kepentingan Malaysia setaraf negara-negara maju. Oleh itu, menghadapi cabaran politik, ekonomi dan sosial. Oleh itu, mengadakan hubungan baik dengan negara luar bagi menguntungkan negara.

Calon dapat menjelaskan enam matlamat pengubalan Dasar Luar Malaysia.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Matlamat pengubalan Dasar Luar Malaysia adalah untuk menjalin kerjasama antara dua negara bagi meningkatkan ekonomi negara. Selain itu, memberi bantuan kepada negara yang memerlukan. Contohnya, negara Palestin, Syria dan Aceh.

Calon hanya menjelaskan dua matlamat pengubalan Dasar Luar Malaysia.

Soalan 9 (b)

Terangkan faktor penggubalan Dasar Luar Malaysia.

Calon dikehendaki menerangkan faktor penggubalan Dasar Luar Malaysia.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Faktor penggubalan dasar luar Malaysia ialah ikatan sejarah. Hal ini, kerana kebudayaan berbanding dengan negara-negara di Asia Tenggara seperti Singapura dan Thailand menjadi sebab Malaysia mengadakan hubungan baik. Malaysia mengadakan hubungan dengan Arab Saudi dan Mesir kerana ikatan keagamaan sejak sekian lama. Selain itu, Malaysia menyebelai Komonwel. Faktor kedua, kepimpinan. Hal ini, pemimpin yang membawakan perubahan terhadap perubahan badan antarabangsa. Faktor ketiga, kepengalaman sejarah. Malaysia menggubal dasar luar untuk mementingkan ekonomi dan kepentingan negara serta menggubal dasar untuk menguntungkan negara. Faktor keempat, perubahan persekitaran. Ketika pemerintahan Tunka Abdul Rahman, Malaysia mengamalkan dasar pro-pakar dan anti-komunis. Dasar luar Malaysia bertukar kepada bebas dan berkemajuan pada tahun 1990-an apabila menyalinkan hubungan dengan China.

Calon dapat menerangkan faktor beserta huraian penggubalan Dasar Luar Malaysia.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Antara faktor penggubalan Dasar Luar Malaysia adalah faktor ikatan sejarah. Contohnya, antara negara Malaysia dan negara China. Selain itu, disebabkan faktor bahan mentah yang berbeza. Contohnya, bahan mentah negara kita diperlukan oleh negara Eropah dengan aktiviti perdagangan antarabangsa manakala sebaliknya negara kita juga memerlukan bahan mentah yang tidak terdapat di negara kita.

Calon hanya dapat menerangkan empat faktor penggubalan Dasar Luar Malaysia.

Soalan 9 (c)

Baca petikan berikut.

SUBANG: Kementerian Luar menerusi satu kenyataan memaklumkan sebanyak 42 tan barangan bantuan kemanusiaan untuk Syria sumbangan rakyat Malaysia yang dikumpul sejak 15 Februari lepas, dibawa bersama pesawat tersebut.

Barangan itu ialah makanan siap sedia dimakan, barangan keperluan bayi, bekalan ubat-ubatan, empat generator, pakaian dan selimut, kelengkapan perlindungan diri, khemah. Ucapan penghargaan diberikan kepada semua rakyat Malaysia yang menyahut seruan untuk menghulurkan bantuan bagi membantu mangsa-mangsa gempa bumi di Syria.

Kerjasama erat antara agensi-agensi kerajaan serta NGO telah memastikan usaha pengumpulan dan penghantaran barang-barang ini berjalan dengan lancar dan teratur.

Sumber: <https://www.hmetro.com.my/2023/02/937491>

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kepentingan mewujudkan hubungan harmoni dengan negara lain.

Calon dikehendaki menghuraikan maklumat yang terkandung dalam petikan yang diberikan dan kepentingan mewujudkan hubungan harmoni dengan negara lain.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Maklumat yang terkandung dalam petikan ialah rakyat Malaysia menyahut seruan untuk menghulurkan bantuan bagi membantu manusia-manusia tanpa budi di Syria. Selain itu, agensi-agensi kerajaan dan NGO telah bekerjasama dengan erat untuk memastikan usaha perolehan dan penghantaran barangan bantuan berjalan dengan lancar dan teratur yang menunjukkan semangat saling membantu antara rakyat dan kerajaan yang berkesan. Kepentingan mewujudkan hubungan harmoni dengan negara lain ialah menunjukkan kebijaksanaan negara, selain itu, menjaga kedaulatan daripada direroboh. Seterusnya, mengutamakan sektor perindustrian dan ekonomi apabila mengadakan kerjasama ekonomi dengan negara luar. Selain itu, menjaga keselamatan dan keamanan negara daripada terlibat dalam kancak peperangan. Seterusnya, dapat memupuk semangat setia kawan antara negara. Kesimpulannya, hubungan baik dengan negara luar wajar dipupuk bagi menjamin kedaulatan negara.

Calon dapat menghuraikan empat maklumat yang terkandung dalam petikan yang diberikan dan lima kepentingan mewujudkan hubungan harmoni dengan negara lain.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut ialah sebanyak 42[✓] tan barangan bantuan kemanusiaan. Sumbangan rakyat Malaysia yang dikumpul sejak 15 Februari lepas, dibawa bersama pesawat tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana barangan itu ialah makanan[✓] siap sedia dimakan, barangan keperluan bayi, bekalan ubat-ubatan, empat generator, pakaian dan selimut, kelengkapan keperluan diri, khemah. Rakyat Malaysia yang menyahut[✓] seruan untuk menghulurkan bantuan bagi membantu mangsa-mangsa gempa bumi di Syria.

Antara kepentingan mewujudkan hubungan harmoni dengan negara lain ialah memberi bantuan[✓] yang memerlukan bantuan di negara lain seperti Syria.

Calon dapat menyatakan **tiga** maklumat yang terkandung dalam petikan yang diberikan dan **satu** kepentingan mewujudkan hubungan harmoni dengan negara lain.

2.5 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN B

2.5.1 Calon

- a) Menjawab soalan yang boleh menjamin pemerolehan markah yang maksimum dan bukannya mengikut urutan nombor soalan.
- b) Menulis jawapan dalam bentuk perenggan dan dengan ayat yang lengkap serta gramatis. Setiap isi seharusnya dihuraikan dengan lengkap berserta contoh-contoh yang sesuai.
- c) Menggunakan laras bahasa yang mudah difahami.
- d) Memastikan tulisan mudah dibaca oleh pemeriksa bagi membolehkan pemeriksa mengenal pasti fakta, huraian, contoh dan bukti yang dikemukakan.
- e) Memahirkan diri menguasai pelbagai bentuk soalan KBAT berstimulus sebagai persediaan menjawab soalan KBAT bagi memperoleh markah maksimum.
- f) Menguasai isu semasa bagi memudahkan idea yang bernas dikeluarkan untuk menjawab soalan KBAT.
- g) Merujuk koleksi Kupasan Mutu Jawapan (KMJ) untuk meningkatkan kemahiran menjawab dan memahami kehendak soalan.

2.5.2 Guru

- a) Menguasai kandungan dalam DSKP.
- b) Memastikan setiap tajuk yang terdapat dalam buku teks Sejarah KSSM Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 disampaikan dengan baik.
- c) Mendedahkan cara menjawab soalan dengan teknik yang betul dan tepat.
- d) Melatih calon menulis jawapan dalam bentuk esei dengan menggunakan struktur ayat yang lengkap dari peringkat menengah rendah.
- e) Merancang pengajaran dan pembelajaran (PdP) terutamanya menyelesaikan sukatan mata pelajaran secepat mungkin supaya ulang kaji dan latih tubi dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- f) Mengajar berdasarkan pendekatan berpusatkan murid dan tidak berpusatkan guru.
- g) Mengetahui kelemahan murid supaya kelemahan tersebut dapat diperbaiki lebih awal.
- h) Mempelbagaikan sumber rujukan dan bahan pengajaran yang menarik dalam PdP.
- i) Menghasilkan pelbagai bentuk stimulus bagi persediaan menjawab soalan KBAT.
- j) Mencadangkan kepada murid untuk merujuk koleksi soalan SPM yang lepas dan KMJ agar murid dapat meningkatkan kemahiran menjawab dan memahami kehendak soalan.
- k) Sentiasa mengingatkan murid agar memastikan tulisan mereka mudah dibaca dan difahami pemeriksa.

PENGHARGAAN

**PENGERUSI:
DR. HABIBAH BINTI MAT REJAB**

**URUS SETIA:
PUAN ROSLIZA BINTI ROSLI
PUAN LAILY FAZLIN BINTI DATO' SRI
KHAIRIL
PUAN AIMI MAHFUZAH BINTI MOHD.
KAMALLUDEEN**

**EDITOR:
PUAN NORAZAH BINTI BIDI
PUAN NORHATINI BINTI SHAARI
PUAN FAIZAH BINTI SAMAD
ENCIK MAHADI BIN MAHMOD
PUAN ANGELIN CHIAH YONG LE
PUAN TAN SHAN XI
CIK NURUL ATIQA OMAR
PUAN IYLIA NATASYA BINTI ANUAR
CIK SITI FADZILAH BINTI ABU BAKAR**

**PANEL PENULIS:
KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 1
KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 2
KP & KPB BAHASA INGGERIS SPM KERTAS 2
KP & KPB SAINS SPM KERTAS 2
KP & KPB SEJARAH SPM KERTAS 2
KP & KPB MATEMATIK SPM KERTAS 2
KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 1
KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 2
KP & KPB KIMIA SPM KERTAS 2
KP & KPB BAHASA CINA SPM KERTAS 1
KP & KPB BAHASA CINA SPM KERTAS 2**